



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


26 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,078 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 194,264 kes. Sebanyak 22 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 10 kes di Sandakan, tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Kudat dan Kota Marudu manakala masing-masing satu (1) kes di Lahad Datu, Keningau, Nabawan, Penampang dan Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,394 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 173,450 orang. Manakala 3,493 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,286 orang di hospital, 2,161 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 37 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 151 orang merangkumi 135 di ICU/repurposed kritikal care serta 16 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 55 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Negeri Sabah mencatatkan peningkatan kes kembali melepas angka (1,000) kes setelah buat pertama kalinya mencatatkan angka jangkitan kes dibawah angka berkenaan semalam sejak 4 Ogos 2021. Pada hari ini, kumulatif kes Negeri Sabah yang dicatatkan adalah sebanyak (1,078) kes baharu dengan (+116) peningkatan berbanding semalam.
- b. Trend perubahan angka bagi kadar jangkitan harian adalah tidak statik dan sentiasa berubah. Trend ini berubah dengan kebarangkalian dipengaruhi oleh sejauh mana pematuhan SOP oleh masyarakat. Semakin tinggi kadar pematuhan SOP maka semakin rendah risiko untuk berlaku pertambahan jangkitan. Pada hari ini, jumlah peningkatan kumulatif kes Sabah selari dengan statistik bilangan daerah mencatatkan peningkatan kes iaitu 14 daerah berbanding 12 daerah yang mencatatkan penurunan kes. Satu (1) daerah iaitu Sandakan, kekal mencatatkan kes sebagaimana semalam.
- c. Bagi kawasan bandar utama, Lahad Datu mencatatkan peningkatan kes tertinggi iaitu sebanyak 131 (+58) kes, Kota Kinabalu 123 (+32) kes, Sandakan (81) kes dan Penampang 64 (+16) kes. Kawasan bandar utama lain mencatatkan penurunan dengan Tawau 41 (-23) kes, Putatan 34 (-14) kes dan Kudat 22 (-6) kes. (13) daripada kes baharu yang didaftarkan di Kota Kinabalu melibatkan pekerja-pekerja pelantar minyak offshore.
- d. Antara daerah lain yang mencatatkan peningkatan ketara ialah Keningau 102 (+41) kes, Ranau 69 (+34) kes, Nabawan 39 (+22) kes, Pitas 39 (+14) kes dan Tongod 14 (+12) kes.
- e. Daerah lain yang mencatatkan penurunan signifikan pada hari ini antaranya Kalabakan 3 (-23) kes, Papar 32 (-21) kes dan Tenom 14 (-18) kes. Terdapat hanya lapan (8) kes melibatkan OKT/banduan yang dicatat hari ini.

- f. Pengurangan kes-kes daftar tertunggak menunjukkan sistem kemaskini data semakin bertambah baik. Daripada (1,078) kes yang didaftar hari ini, (461) kes atau 42.76% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (28) kes atau 2.60% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (17) kes atau 1.58% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.
- g. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (611) kes atau 56.7%, Saringan Bergejala (306) kes atau 28.4%, (36) kes atau 3.3% daripada Saringan Kluster, sifar (0) kes dari Saringan Bersasar dan (125) kes atau 11.6% melalui Saringan Lain-lain.
- h. Daripada (1,078) kes yang berdaftar hari ini, (316) kes atau 29.31% adalah pesakit dalam Kategori 1, (677) kes atau 62.80% dalam Kategori 2, empat (4) kes dalam Kategori 3, (12) kes dalam Kategori 4 dan lapan (8) kes dalam Kategori 5. (61) kes masih dalam siasatan. 89.15% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (611) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	36	3.3%
2	Bergejala	306	28.4%
3	Kontak	611	56.7%
4	Bersasar	0	0.0%
5	Lain-lain	125	11.6%
JUMLAH		1,078	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (25 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 25/09/2021	Catatan Kes 26/09/2021	Perbandingan
1	Lahad Datu	73	131	+58
2	Keningau	61	102	+41
3	Ranau	35	69	+34
4	Kota Kinabalu	91	123	+32
5	Nabawan	17	39	+22
6	Penampang	48	64	+16
7	Pitas	25	39	+14
8	Tongod	2	14	+12
9	Kota Belud	43	51	+8
10	Kinabatangan	9	16	+7
11	Kunak	8	15	+7
12	Telupid	6	12	+6
13	Semporna	10	11	+1
14	Sipitang	5	6	+1
15	Sandakan	81	81	Mendatar
16	Tawau	64	41	-23
17	Kalabakan	26	3	-23
18	Papar	53	32	-21
19	Tenom	32	14	-18
20	Putatan	48	34	-14
21	Tuaran	70	57	-13
22	Beluran	25	16	-9
23	Kudat	28	22	-6
24	Beaufort	18	12	-6
25	Kuala Penyu	6	1	-5
26	Kota Marudu	65	61	-4
27	Tambunan	13	12	-1
JUMLAH		962	1,078	+116

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (12 – 25 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Lahad Datu	0	73	42	0	16	131	1,473
Kota Kinabalu	0	69	31	0	23	123	2,967
Keningau	35	51	12	0	4	102	1,077
Sandakan	0	21	35	0	25	81	1,642
Ranau	0	61	5	0	3	69	878
Penampang	0	33	29	0	2	64	1,075
Kota Marudu	0	47	13	0	1	61	966
Tuaran	0	42	12	0	3	57	1,299
Kota Belud	0	30	18	0	3	51	948
Tawau	0	16	19	0	6	41	864
Pitas	0	34	5	0	0	39	664
Nabawan	0	20	0	0	19	39	393
Putatan	0	11	22	0	1	34	728
Papar	0	13	16	0	3	32	1,054
Kudat	0	15	4	0	3	22	425
Beluran	0	11	5	0	0	16	530
Kinabatangan	1	9	6	0	0	16	734
Kunak	0	7	8	0	0	15	272
Tenom	0	8	4	0	2	14	395
Tongod	0	11	2	0	1	14	271
Beaufort	0	5	5	0	2	12	212
Tambunan	0	8	4	0	0	12	223
Telupid	0	10	1	0	1	12	364
Semporna	0	4	4	0	3	11	163
Sipitang	0	1	3	0	2	6	117
Kalabakan	0	0	1	0	2	3	197
Kuala Penyu	0	1	0	0	0	1	53
JUMLAH	36	611	306	0	125	1,078	19,984

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Batu 46 Tulid	35
Kinabatangan	Kluster Sawit Kinabatangan 2	1
JUMLAH		36

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- 7 Jumlah kapasiti katil 7,339 unit
- Hospital 2,000 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,639 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 47.60%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 26 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,064
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	6
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
Jumlah	1,078

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Selangor	4
Jumlah	6

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	961
Bukan Malaysia	117
Jumlah	1,078

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	228
Belum Menerima Vaksin	330
Menerima 1 Dos	87
Lengkap 2 Dos	433
Jumlah	1,078

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	14
1 to 5	93
6 to 11	121
12 to 17	118
18 to 25	142
26 to 59	504
>60	86
Jumlah	1,078

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 26 September 2021)
1	Kota Marudu	3
2	Ranau	3
3	Kota Belud	2
4	Kota Kinabalu	2
5	Tawau	2
6	Telupid	1
7	Beluran	1
8	Keningau	1
9	Kudat	1
10	Papar	1
11	Tambunan	1
Jumlah		18

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Bambangan, Telupid	27 September 2021	10 Oktober 2021

E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Taman Semarak Megah, Tawau	13 September 2021	Ditamatkan pada 26 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Perumahan IOI Plantations Unico Oil Mill Sdn Bhd, Segama, Lahad Datu	14 September 2021	Ditamatkan pada 26 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (27 September 2021)
3.	Kampung Dumpiring Bawah, Ranau	3 September 2021	Ditamatkan pada 26 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (27 September 2021)

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 25 September 2021 adalah seramai 34,122 orang. Daripada jumlah ini, seramai 20,148 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 13,974 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 dan Cansino setakat 25 September 2021 adalah seramai 2,199.319 orang. Ini meliputi 1,984,070 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 71.9% jumlah penduduk dewasa, manakala bagi penerima dos lengkap adalah seramai 1,687,106 atau mewakili 61.2% dan seramai 215,249 orang penduduk remaja bersamaan 50.5% jumlah penduduk remaja.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **610,240** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM /INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 67 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 33,723 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 40 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 65 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 57 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 11 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - Sembilan (9) Orang : Aktiviti Menyukarkan Penjarakan Fizikal
 - 32 Orang : Aktiviti Pusat Hiburan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 119 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiga (3) tangkapan dibuat iaitu satu (2) kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985, satu (1) kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan satu (1) lagi kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 894 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis atau kompaun dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 507 premis perniagaan dan 903 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu keluar rumah tanpa tujuan yang dibenarkan di Pantai Tanjung Aru. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 233 Premis Perniagaan melibatkan 134 anggota APM. Sebanyak 16 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 18 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 68 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 489 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Kunak	97%
3	Kudat	96.5%
4	Beluran	96.5%
5	Keningau	96.5%
6	Kinabatangan	96.5%
7	Tuaran	96.5%
8	Sipitang	96.5%
9	Kota Marudu	96.5%
10	Beaufort	96.5%
11	Papar	96.5%
12	Kota Kinabalu	96.5%
13	Tenom	96.5%
14	Tawau	96.5%
15	Kota Belud	96.5%
16	Lahad Datu	96%
17	Sandakan	96%
18	Ranau	96%
19	Penampang	96%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**